

SEPTEMBER
2024

e-Lingua

3/2024



✓ <u>Chief Editor's Desk</u>	<u>2</u>
✓ <u>News & Reports</u>	<u>7</u>
✓ <u>Language Club News & Reports</u>	<u>16</u>
✓ <u>Image & Lifestyle</u>	<u>44</u>
✓ <u>Pet Lovers' Central</u>	<u>70</u>
✓ <u>Lecturer's Contribution</u>	<u>93</u>
✓ <u>Creative Corner</u>	<u>119</u>
✓ <u>The Team</u>	<u>131</u>





LANGUAGE CLUB

NEWS/REPORT



<u>Madrasah Visit</u>	17
<u>Frenchy F&B</u>	20
<u>Penyayang Charity Fun Run</u>	22
<u>A Roaring Good Time</u>	25
<u>MARAK</u>	27
<u>UiTM-MRIQ MoU</u>	30
<u>Open Mic Nights</u>	33
<u>CatChateau Transit</u>	37



Aktiviti Amal Sukan dan Keusahawanan: Penyayang Charity Fun Run & Sukaneko 2024

By Noor Azli Affendy Lee

Pada 18 Mei 2024, lebih daripada 150 peserta termasuk pelajar, staf, alumni, dan komuniti setempat telah menyertai “Penyayang Charity Fun Run & Sukaneko 2024” anjuran Kelab Budi Penyayang UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP). Program ini diketuai oleh En. Noor Azli Affendy Lee, pensyarah Akademi Pengajian Bahasa (APB), dan dibantu oleh beberapa orang pensyarah APB dan staf dari fakulti atau unit lain. Program ini juga dibantu oleh Bahagian Penyelidikan Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni (PJIM&A) dan Malaysian Academy of SME & Entrepreneurship Development (MASMED), dengan kerjasama Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) di Kampus Permatang Pauh UiTM CPP. Larian amal yang bermula pada jam 7.30 pagi hingga 10.00 pagi telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor ICAN, Yang Berbahagia Profesor TPr. Dr. Jamalunlaili Abdullah. Acara ini turut dihadiri oleh Rektor UiTM Cawangan Pulau Pinang, Yang Berbahagia Profesor Ir. Dr. Haji Ahmad Rashidy Razali, serta ahli pengurusan eksekutif kampus.





Larian ini bukan sahaja bertujuan untuk menggalakkan gaya hidup yang sihat, tetapi juga untuk mengumpul dana bagi pelbagai tabung amal dalaman UiTMC, termasuk Tabung Cat Transit UiTM CPP yang membantu penjagaan kucing jalanan di kampus. Seiring dengan semangat memeriahkan kampus, pelbagai aktiviti lain juga diadakan. Dengan bantuan MASMED, Ekspo Keusahawan telah berlangsung pada 17 dan 18 Mei di parkir hadapan PTAR dari jam 10.00 pagi hingga 8.00 malam. Ekspo ini menawarkan pelbagai jualan makanan, pakaian bundle, dan minuman yang diusahakan oleh peniaga luar serta para pelajar UiTM. Ekspo ini memberikan peluang untuk para pelajar mengasah kemahiran keusahawan mereka sambil menyokong peniaga tempatan.





Mengikut tema kucing program, satu pameran kucing juga diadakan pada 18 Mei bersebelahan PTAR untuk mempromosikan kucing jalanan kampus yang sedia ada untuk dijadikan sebagai kucing angkat. Pameran ini juga bertujuan untuk mendidik orang ramai tentang penjagaan kucing secara amnya. Selain itu, pelbagai aktiviti termasuk pertandingan FIFA, mencanting batik, membuat kraf tangan, henna, dan sebagainya ditempatkan di dalam PTAR sepanjang dua hari program. Program juga dimeriahkan lagi dengan kehadiran para alumni UiTM. Satu sesi perkongsian oleh alumni UiTM bertajuk "Transformasi Diri: Merubah Keraguan menjadi Kekuatan" diadakan selepas larian amal di dalam PTAR.

Sesi ini memberikan inspirasi dan panduan kepada peserta tentang cara-cara mengatasi cabaran dan meningkatkan keyakinan diri. Sesi forum perbincangan secara berkumpulan turut diadakan selepas sesi tersebut.

Secara keseluruhannya, program ini berjaya mencapai matlamatnya dengan menggalakkan gaya hidup sihat, memperkuat semangat komuniti, dan mengumpul sumbangan untuk tabung-tabung amal kelab dan UiTM. Kami berharap untuk meneruskan program-program yang bermakna seperti ini pada masa akan datang demi manfaat komuniti dan masyarakat keseluruhannya.

